

DAP mahu mufti Perak nasihat timbalan menteri mahu 'lempang Cina'
The Malaysian Insider
Oct 2, 2015
Oleh Nabihah Hamid

Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria perlu menasihati Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang mengeluarkan kenyataan kontroversi terhadap kaum Cina, kata Pengerusi DAP Pahang Tengku Zulpuri Shah Raja Puji.

Tajuddin yang merupakan pemimpin Umno dari Perak sebelum ini dilaporkan media memberi amaran kepada kaum Cina di negara ini jika mengadu masalah kepada negara luar.

"Kita kena tengok dulu, dia dari Pasir Salakkan? Mufti Perak kena bagi nasihat pada dialah," kata Tangku Zulpuri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mentakab itu pada sidang media di Ibu Pejabat DAP di Kuala Lumpur, hari ini. – 2 Oktober, 2015

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-mahu-mufti-perak-nasihat-timbalan-menteri-mahu-lempang-cina>